

## PERKHIDMATAN

# Maklumat Kumpulan

Kumpulan AmBank ("Kumpulan") kekal komited untuk memacu kecekapan dan keberkesanan dengan penekanan pada mengoptimalkan dan menggunakan sepenuhnya manfaat teknologi sejajar dengan fokus dan strategi perniagaan Kumpulan.

Bergerak ke hadapan, Perkhidmatan Maklumat Kumpulan ("IS Kumpulan") akan terus menjajarkan objektifnya dengan strategi Kumpulan khususnya dalam tiga bidang termasuk menambahbaik keupayaan pengurusan risiko, memasuki pasaran baru, dan meningkatkan pertumbuhan pendapatan perniagaan.

Pengurusan risiko masih menjadi antara perkara tumpuan. Kumpulan akan terus memberi penekanan kuat kepada membangunkan keupayaan pengenalanpastian risiko untuk menambahbaik proses dan pengukuran risiko yang akan memperbaiki pengekalan modal dan pengurusan Pinjaman Tidak Berbayar; pada masa sama, menurunkan pergolakan perdagangan melalui penggunaan teknologi tak mudah luntur untuk membolehkan inisiatif-inisiatif ini.

Untuk menggalakkan kepelbagaian, amat penting untuk memasuki segmen baru pasaran supaya dapat menambah aliran penjana pendapatan. IS Kumpulan akan gigih berusaha untuk berkerjasama dengan unit perniagaan untuk memperbaiki pengetahuan perniagaan yang akan membolehkan analisis dan penterjemahan data bagi memastikan jualan silang dan jualan meningkat yang efektif, cara lebih pantas dan cekap untuk memasarkan produk dan perkhidmatan baru, serta menjalin hubungan lebih baik dengan pelanggan melalui proses-proses pengurusan.

Untuk menyokong perkembangan pendapatan, penekanan diberikan kepada memperbaiki infrastruktur teknologi maklumat keseluruhan supaya dapat menawarkan keupayaan penghantar perkhidmatan yang komprehensif.

Objektif adalah untuk memastikan sistem teras dan saluran penghantaran mampu untuk menyokong segmen perniagaan ini dan menyampaikan fungsian yang dikehendaki, perkhidmatan tambah nilai serta kesediaan yang tinggi. IS Kumpulan akan juga turut menyumbang dan melabur dalam pengurusan sekuriti, menekankan integriti sekuriti dan mematuhi semua peraturan keselamatan dan dasar antarabangsa. Pengoptimuman infrastruktur juga adalah satu lagi objektif dalam memastikan infrastruktur teknologi Kumpulan termasuk pelayan komputer, PC dan komputer riba, pencetak dan bahan IT yang lain disimpan sehingga ke hari ini serta memperbaiki penggunaan penyampaian optima untuk penghantar pengoperasian sejajar dengan penyelesaian efektif kos.

Dari aspek strategi bahagian, IS Kumpulan akan meneruskan penggunaan amalan terbaik dalam pengurusan teknologi dengan pelaksanaan amalan pengurusan khidmat IT, pengurusan aplikasi jangka hayat proaktif, bersama penggunaan piawai ISO melalui pengawalan IT yang komprehensif. Dengan ini, IS Kumpulan akan berada pada kedudukan lebih baik untuk menyampaikan nilai dan penyelesaian IT yang efektif kepada perniagaan.

### Perbankan Perniagaan Dan Runcit

Selari dengan Aspirasi Jangka Sederhana Kumpulan ("MTA"), penekanan diberikan untuk mempertingkatkan taraf sistem aplikasi teras dan membina asas teknologi yang mantap untuk memudahkan penghasilan perniagaan baru serta menghadapi isu keperluan perniagaan di masa akan datang.

Keupayaan pengurusan perhubungan pelanggan juga antara komponen utama dalam memenuhi kehendak pasaran yang terdiri daripada individu, keluarga, perniagaan kecil dan segmen berpotensi baru yang meningkat. Ini akan dilaksanakan melalui pelaburan dan aplikasi penyampaian penambahbaikan perkhidmatan pengurusan kekayaan dan kewangan.



Fokus turut diberikan dalam memulakan perniagaan perdagangan dan IKS dengan tujuan memperbaiki perkhidmatan pengurusan tunai dan mendapat manfaat dari pertukaran asing serta penghantaran wang.

### Perbankan Pelaburan, Perniagaan Pasaran, Perbankan Perhubungan Dan Perniagaan Serantau

Inisiatif utama Perbankan Pelaburan adalah pelaksanaan Sistem Perbankan Swasta yang mengandungi penyelesaian yang menggalakkan pelanggan untuk menerima khidmat nasihat kewangan; sebuah aplikasi yang menawarkan keupayaan analisa prestasi pasaran untuk pengurusan risiko progresif dan prestasi. Untuk Perniagaan Pasaran, tumpuan tahun ini pada menambah keupayaan terbitan melalui pelaksanaan sistem Perbendaharaan dan Terbitan Ekuiti yang akan membolehkan kawalan pengoperasian, pemprosesan yang lancar untuk struktur perjanjian serta sistem yang kukuh untuk pertumbuhan perniagaan.

### Perbankan Islam

Perbankan Islam Kumpulan sentiasa mencari peluang dan potensi untuk perkembangan. Ia menumpukan kepada mengemaskinikan proses-proses melalui penambahan sistem belakang tabir supaya dapat melancarkan produk-produk Islam yang inovatif.

### Insurans

AmLife telah memulakan inisiatif pelaburan teknologi dalam sistem teras insurans hayat untuk menyokong pertumbuhan agresif. Pelaburan teknologi AmG ditumpukan kepada penggabungan teknikal untuk mencapai lebih kecekapan dan ekonomi berskala untuk membentuk persekitaran pengoperasian yang optima. Pelaburan yang dicadangkan termasuk menubuhkan sistem untuk melancarkan insurans Takaful Islam.

